

# **BEBERAPA POLA PERBEZAAN LEKSIKAL DALAM KAMUS DEWAN DAN KAMUS BESAR BAHASA INDONESIA: SATU ANALISIS BERDASARKAN MODEL TIGA SEGI SEMIOTIK**

*Ibrahim Ahmad*

## **Abstrak**

Tulisan ini memberikan fokus kepada maklumat perbezaan leksikal bahasa Melayu Malaysia (BMM) dan bahasa Indonesia (BI) berasaskan model tiga segi semiotik Ogden dan Richard. *Kamus Dewan* Edisi Ketiga dan *Kamus Besar Bahasa Indonesia* Edisi Ketiga menjadi narasumber tulisan ini. Terdapat tiga pola yang ditelusuri dari perspektif benda, perspektif kata, dan perspektif konsep. Perspektif benda menampilkan unsur analog yang mendukung julat semantik yang berbeza. Perspektif kata mencakup empat unsur penting. Pertama, kata sama, makna teras berbeza. Kedua, kata sama, tetapi mengalami peluasan atau penyempitan makna dalam salah satu atau kedua-dua variasi. Ketiga, kata sama tetapi berbeza dari segi stilistik dan temporal. Keempat, kata yang mendukung konsep/fenomena tertentu yang hanya wujud atau digunakan dalam satu variasi. Perspektif konsep mencakup konsep sama, kata berbeza serta konsep sama, kata berbeza tetapi berlainan dari segi kekerapan penggunaan. Semua ini mengacu kepada timbulnya kecapahan leksikal yang memberikan kesan kepada tahap kecekapan komunikatif dan kefahaman menyalang kepada penutur BMM dan BI.

## **Abstract**

*This study is to discuss the lexical differences in Malay-Indonesian dictionaries based on Ogden and Richard semiotic triangle model. *Kamus Dewan Third Edition* (1994) (henceforth KD) and *Kamus Besar Bahasa Indonesia Third Edition* (2001) (henceforth, KBBI) has been chosen as they are regarded as the most authoritative and renowned*

*monolingual dictionaries. This paper focused on the lexical differences in BMM and BI based on semiotic triangle model. This can be seen from the perspective of thing, perspective of word (same word, different meaning, same word but narrowing or extended in meaning either in one or both variety, same word, difference in style, attitude, temporal, and frequency of use, words that contain certain concepts/phenomenon which exist or used in one variety), perspective of concept (same concept, different word; same concept, different word but differ in frequency of use). This study tries to highlight the divergence of lexical aspects that affect the efficiency of communicative competence and mutual intelligibility in BMM and BI.*

## PENDAHULUAN

Perbezaan leksikal merupakan suatu konsep yang menekankan kelainan dalam bahasa yang berlaku pada tahap leksikon.<sup>1</sup> Perbezaan leksikal dalam variasi nasional lebih bersifat variasi kontekstual kerana dipengaruhi oleh faktor geografi dan sosiologi masyarakat penuturnya. Jelasnya, konsep perbezaan leksikal dikaitkan juga dengan konsep kesatuan dan kepelbagaian yang menjadi paradoks dalam bahasa yang bervariasi. Menurut Algeo (1986:271), kesatuan muncul kerana bahasa tersebut memiliki sejarah yang sama, manakala wujudnya kepelbagaian adalah kerana perbezaan pengalaman warga pengguna bahasanya selepas berlaku pemisahan, dan ini ditemukan dalam semua aspek, terutama kosa katanya. Pada umumnya, tumpuan untuk membandingkan bahasa yang bervariasi lebih berfokuskan aspek leksikalnya. Perubahan yang berlaku dalam aspek leksikal lebih cepat berbanding dengan aspek bahasa yang lain, dan potensi kepelbagaianya agak tinggi.

Timbulnya kepelbagaian dalam bahasa yang bervariasi didorong oleh beberapa faktor. Ada pendapat yang mengatakan sebab situasi baharu dan persekitaran baharu. Ada juga yang mengatakan ia disebabkan oleh faktor warisan (aspek pemerolehan bahasa berlatarbelakangkan masyarakat penuturnya), inovasi (berdasarkan teknologi baharu), serta pemencilan (kerana faktor geografi). Pengalaman baharu di dunia baharu memerlukan nama

---

1 Harimurti Kridalaksana (1993:126) berpendapat bahawa leksikon ialah komponen bahasa yang memuatkan segala informasi tentang makna dan pemakaian kata dalam bahasa. Bagi McArthur (1996:555) pula, leksikon ialah "a term in especially American linguistics for the vocabulary of a language or sub-language, consisting of its stock of lexemes".

baharu, sama ada melalui adaptasi atau mencipta kata baharu. Kata-kata baharu lazimnya dicipta untuk mendukung konsep, benda dan perkara yang baharu muncul dalam masyarakat. Di samping itu, pengaruh bahasa asing dan perubahan linguistik secara bebas dalam kedua-dua bahasa yang bervariasi mendorong berlakunya perbezaan leksikal.

## KERANGKA TEORI/ KAJIAN KEPUSTAKAAN

Ternyata banyak pola yang dicadangkan oleh para penyelidik tentang penggolongan perbezaan leksikal. Algeo (1986:272–283) melihatnya dari sudut konsep atau istilah secara terperinci yang membezakan leksikal dua bahasa yang bervariasi berdasarkan istilah padanan, istilah bertindih, istilah bercantum, benda yang sama, istilah unik, istilah yang lebih inklusif, istilah yang lebih kerap, dan variasi dalam rujukan. Trudgill dan Hannah (1994:89–93) pula melihat konsep yang sama, berbeza kata berdasarkan dua fenomena, iaitu pertama, yang tidak diketahui secara meluas dalam variasi lain, dan yang kedua, diketahui oleh kedua-dua variasi.

Morton Benson, Evelyn Benson dan Robert Ilson (1986:14–42) telah melakar 10 pola perbezaan leksikal dari perspektif kata. Yang menarik dalam kajiannya adalah tentang konsep jurang rujukan dan jurang leksikal untuk kata, konsep atau benda yang wujud dalam bahasa yang bervariasi. Bagi Benson *et al.* (*ibid.*: 28), jurang rujukan ialah “ketiadaan kata yang sepadan dalam variasi budaya lain, manakala jurang leksikal ialah ketiadaan konsep atau frasa dalam satu variasi walaupun wujud konsep atau rujukan yang sama dalam kedua-dua budaya”. Trudgill dan Hannah (1994:89–93) pula melihat perbezaan leksikal dari sudut kata yang sama, tetapi makna berbeza; kata yang sama, tetapi mengalami makna tambahan dalam satu variasi; kata yang sama, tetapi berbeza dari segi stail, konotasi dan kekerapan penggunaan; dan konsep atau istilah yang sama, tetapi kata berbeza.

Gunnel Tottie (2002:100–103) telah melakar klasifikasi perbezaan leksikal yang berdasarkan bentuk ataupun dari segi makna.

### a. Klasifikasi Berdasarkan Kategori Bentuk

Bil.	Kategori
1.	Kata yang mempunyai makna teras yang sama, tetapi berbeza dari segi gaya konotasi dan kekerapan ( <i>vacation/holiday, maybe/perhaps, post/mail</i> )

Bil.	Kategori
2.	Kata yang berkongsi makna teras tetapi telah membentuk makna tambahan dalam salah satu atau kedua-dua variasi ( <i>vacation/holiday, maybe/perhaps, post/mail</i> )
3.	Kata yang pernah mempunyai makna yang sama tetapi kini berbeza maknanya dalam kedua-dua variasi ( <i>clerk</i> ) (makna asal ' <i>clergyman</i> ' atau ' <i>scholar</i> ', tetapi kini bermakna ' <i>office worker</i> ' dlm BrE dan ' <i>salesperson</i> ' atau ' <i>hotel receptionist</i> ' dlm AmE)
4.	Kata, kolokasi dan ungkapan yang hanya atau lebih banyak digunakan dalam salah satu variasi. Terdapat beberapa subkelas: ( <i>lorry</i> ) (secara tipikal perkataan <i>British</i> ), <i>truck</i> (AmE)a. Perkataan Inggeris yang lenyap dalam salah satu variasi b. Kata ciptaan dan kata majmuk berdasarkan bahan bahasa Inggeris, atau kata asing yang telah diinggeriskan yang digunakan hanya atau secara intensif dalam satu variasi c. Kadang-kadang hanya salah satu variasi yang menggunakan kata tertentu, tetapi mewujudkan sinonim yang berfungsi dalam kedua-dua variasi

#### b. Klasifikasi Berdasarkan Kategori Semantik

Bil.	Kategori
1.	Fenomena atau konsep yang muncul dalam bahasa Inggeris Amerika dan Britain, tetapi menggunakan kata yang berbeza ( <i>truck/lorry, cell phone/mobile</i> )
2.	Fenomena atau konsep yang hanya wujud dalam salah satu negara yang dipisahkan oleh Lautan Atlantik tersebut <i>Flora</i> ( <i>live oak, poison ivy, cottonwood</i> ) <i>Fauna</i> ( <i>skunk, raccoon, moose</i> ) <i>Budaya</i> ( <i>sororities, fraternities</i> )

Yang jelas, kerangka tersebut bertujuan untuk mengelakkan pertindanan seperti yang terlihat dalam klasifikasi sebelumnya. Terdapat empat kategori berasaskan bentuk, dan dua kategori berasaskan semantik. Pembahagian sedemikian dilakukan untuk mengelakkan pertindanan untuk unsur leksikal yang dibezakan berasaskan bentuk atau makna. Bagaimanapun, terdapat satu perbezaan leksikal dalam kategori bentuk yang tidak disentuh oleh Gunnel Tottie. Terdapat kata atau frasa yang mempunyai persamaan dari segi bentuk (ortografi), tetapi mendukung makna yang berbeza. Fenomena

ini dilihat oleh Singleton (2000:110) sebagai permasalahan besar dalam konteks komunikasi dua bahasa yang bervariasi yang boleh dikaitkan dengan konsep *false friend* atau *faux ami*. Konsep ini merupakan “satu atau lebih kata atau frasa daripada bahasa yang berbeza, yang sama dari segi bentuk, tetapi berlainan maknanya” (Hartmann dan James, 1998:56). Terdapat dua jenis *false friend* atau *faux ami*.

Bil.	Jenis <i>false friend</i>	Contoh	
1.	<i>Interlingual homograph</i>	Bahasa Inggeris <i>gift (present)</i>	Bahasa Jerman <i>gift (poison)</i>
2.	<i>Interlingual homophones</i>	Bahasa Inggeris <i>man (male)</i>	Bahasa Parsi <i>/mæn/ I</i>


Walaupun konsep *false friend* atau *faux ami* muncul dalam bahasa yang berbeza, pengertian ini boleh diambil secara longgar sebagai asas mengenal pasti kata atau frasa yang mempunyai persamaan ortografi, tetapi berbeza maknanya dalam dua bahasa yang bervariasi seperti BMM dan BI. Kategori ini perlu wujud sebagai suatu entiti dalam klasifikasi bentuk, meskipun Gunnel Tottie melihatnya sudah memadai dimasukkan dalam kategori semantik (konsep atau fenomena yang muncul dalam bahasa yang bervariasi, tetapi menggunakan kata yang berbeza).

Terdapat juga usaha yang dilakukan oleh sarjana tempatan untuk merangka tipologi perbezaan leksikal dalam dua bahasa yang bervariasi. Ini lebih berupa kajian rintis oleh Leo Suryadinata (1991:v) yang melakar dua perbezaan besar yang berlaku dalam kedua-dua bahasa tersebut dari perspektif kata. Pertama, kata yang mempunyai perbezaan makna. Yang kedua, kata yang berbeza untuk mendukung konsep yang sama. Di samping itu, terdapat kajian rintis tipologi perbezaan leksikal dari aspek makna seperti Ahmad Samin Siregar (2000:1334–1337) dan Robert Sibarani (1999:140–149), iaitu, peluasan makna yang melibatkan penambahan makna pada makna asal sesuatu kata. Yang kedua, penekanan makna, iaitu tumpuan pada salah satu makna hingga makna lain jarang-jarang digunakan. Dengan kata lain, salah satu makna kata itu jarang-jarang digunakan dalam bahasa Indonesia, tetapi sering digunakan dalam bahasa Melayu, atau salah satu makna yang jarang-jarang digunakan dalam bahasa Melayu, tetapi sering digunakan dalam bahasa Indonesia.

Kedua-dua klasifikasi ini dianggap agak umum dan tidak memperlihatkan suatu kerangka yang komprehensif dalam mengenal pasti ciri-ciri perbezaan leksikal. Meskipun ada inisiatif untuk memaparkan suatu tipologi perbezaan leksikal, dapatan ini agak dangkal sifatnya kerana beberapa unsur perbezaan leksikal lain tidak dimasukkan dalam tipologi tersebut.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa pandangan sebelum ini yang melihat beberapa pola perbezaan leksikal dari perspektif yang pelbagai. Ada yang melihatnya dari sudut kata, konsep, makna atau gabungan kedua-dua unsur tersebut. Namun bagaimanakah beberapa jalur leksikal antara bahasa yang bervariasi dapat dibezakan secara menyeluruh? Sehingga kini, banyak kajian dilakukan tentang perbezaan leksikal antara bahasa yang bervariasi tetapi belum ada kaedah atau model yang dapat dijadikan sandaran untuk membuat perbandingan tersebut.

Segi tiga semiotik yang diperkenalkan oleh Ogden dan Richards (dikemas kini oleh Lipka, 1992:43) adalah seperti yang berikut:



Segi tiga semiotik juga dikenali sebagai segi tiga pemaknaan atau segi tiga rujukan. Menurut Ogden dan Richard, tidak ada hubungan langsung antara kata atau simbol dengan benda yang bersifat luar linguistik atau referen. Ini disimbolkan melalui garis titik yang menghubungkan kedua-duanya yang disifatkan sebagai hubungan musabab (*imputed relation*). Hubungan antara kedua-duanya adalah secara tidak langsung dan menjadi perantaraan kedua-duanya ialah konsep atau pemikiran (*thought*) yang juga disebut oleh Ogden dan Richard sebagai *reference*. Gramley (2001:47) melihat pengertian konsep dikaitkan dengan representasi mental. Tiga segi semiotik Ogden dan Richards telah menyumbang kepada kajian yang lebih sistematik tentang perbezaan leksikal antara bahasa yang bervariasi dari perspektif kata konsep dan benda.

## ANALISIS KAJIAN

Kaitan semiotik dan kamus telah diceritakan dengan panjang lebar oleh Rey-Debove (dalam Bejoint, 2000), Ilson (1984) dan Benson (1986). Dalam tulisan Ilson (1985:80), beliau melihat isu semiotik sebagai “setiap konvensi leksikografi bersifat “membawa makna”. Konsep ini mewakili satu sistem seperti yang dinyatakan oleh Saussure tentang bahasa, *tout se tient*, semuanya saling berhubungan”. Konsep semiotik dalam pengertian yang mudah oleh Eco (1976:7) ialah apa-apa sahaja yang boleh dikaitkan dengan sistem tanda. Semiotik bukan sahaja melibatkan kajian tentang tanda dalam perbualan biasa, malah apa-apa sahaja yang boleh merujuk kepada benda lain. Dalam konsep semiotik, tanda boleh berupa bentuk kata, imej, bunyi, objek, dan sebagainya. Satu cara untuk melihat kamus sebagai mode atau medium komunikasi adalah dengan menelusuri tujuan praktisnya untuk menyampaikan maklumat eksplisit tentang bentuk dan makna kata. Menurut Benson (1986:27), terdapat dua cara untuk melihat kamus sebagai medium komunikasi. Pertama, kamus menekankan komunikasi melalui kod-kod linguistik yang telus, yang berupaya menyampaikan makna implisit dan eksplisit. Kedua, melalui kaedah semiotik yang melihat kembali peranan kamus yang bukan sahaja memperkatakan bentuk dan makna kata secara langsung, tetapi juga makna yang dapat ditafsir dalam bahasa tabii. Ini bermakna kamus mentafsir kata dalam konteks dan melihatnya sebagai paduan antara makna dan bentuk.

### **Berdasarkan Perspektif Benda**

Dalam satu bahasa yang bervariasi, mungkin ada subvariasi yang tidak terkira banyaknya yang tidak berkongsi dunia budaya yang sama. Kadang-kadang ada sesuatu dalam persekitaran seseorang yang hendak dikatakan, tetapi tidak ada kata yang wujud dalam bahasa tersebut yang berhubungan dengan tindakan, keadaan, kualiti atau benda. Kerap kali dalam situasi dua bahasa yang bervariasi ini mempunyai objek yang berbeza tetapi fungsinya bersifat analog. Bagi Algeo (1989:238), analog ialah benda yang berbeza antara satu sama lain dan mempunyai nama yang berbeza tetapi mengisi kedudukan analog dalam sistem yang berlainan. Perspektif ini dikaitkan dengan pandangan Gramley (2001:51) yang mengatakan bahawa hubungan satu jenis benda yang seakan-akan serupa mempunyai pelbagai nama, atau pandangan Algeo (1989:238–240) yang mengatakan bahawa bentuk atau rujukan yang pelbagai dengan situasi padanan rujukan. Pandangan ini

mencetuskan konsep analog, iaitu kata dalam satu bahasa yang mempunyai padanan dengan kata dalam bahasa lain, walaupun bentuk dan julat semantiknya mungkin tidak sama, misalnya dalam sesuatu institusi seperti yang berikut:

**Jadual 1** Perbezaan leksikal dari perspektif benda.

Entri	KD	Entri	KBBI
<b>parlimen</b>	majlis (dewan) tertinggi pembuat undang-undang yg terdiri drpd Dewan Rakyat dan Dewan Negara	dewan perwakilan rakyat	badan legislatif yg anggotanya terdiri atas para wakil rakyat yg dipilih baik secara langsung maupun tidak langsung, bertugas membuat undang-undang dan menetapkan anggaran pendapatan dan biaya negara
<b>perdana menteri</b>	ketua menteri sesebuah negara (mengepalai jemaah menteri)	presiden	2. kepala negara (bagi negara yang berbentuk republik)

Terdapat perbezaan dari segi fungsi antara peranan *parlimen* di Malaysia dengan *Dewan Perwakilan Rakyat* di Indonesia. *Parlimen* di Malaysia mempunyai Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang mempunyai fungsi yang berbeza, manakala *Dewan Perwakilan Rakyat* di Indonesia pula mempunyai Dewan Perwakilan Rakyat Daerah yang mempunyai fungsi yang tersendiri. Begitu juga kedudukan *perdana menteri* di Malaysia dan *presiden* di Indonesia. Di Malaysia, *perdana menteri* mempunyai kuasa eksekutif, tetapi ketua negara ialah Yang di-Pertuan Agong. Ini sejajar dengan bentuk pemerintahan di negara ini yang mempunyai bidang kuasa tersendiri, iaitu badan eksekutif, badan legislatif, dan badan kehakiman. *Presiden* di Indonesia bukan sahaja bertindak sebagai ketua negara, tetapi mempunyai kuasa eksekutif yang mutlak untuk memerintah sesebuah negara. Berdasarkan dua contoh ini, dapat dilihat perbezaan dari segi fungsi dan julat semantiknya, meskipun boleh dianggap sebagai benda yang setara.



## Berdasarkan Perspektif Kata

Terdapat empat jalur atau pola perbezaan leksikal yang ditelusuri berdasarkan perspektif kata. Gambaran keempat-empat pola tersebut adalah seperti yang berikut:

**Jadual 2** Perbezaan leksikal dari perspektif kata.

Kata sama, makna teras berbeza (tautonim)	Kata sama, tetapi mengalami peluasan atau penyempitan dalam satu atau kedua-dua variasi	Kata sama, tetapi berbeza dari segi stilistik dan temporal	Kata yang mendukung konsep/ fenomena tertentu yang hanya wujud atau digunakan dalam satu variasi
balu bauk becak hamis/amis jeli jeruk loket nusantara polis	angkasawan cadar daerah geladak hangat hangit jelita lampin mahaguru taman tewas	afsun babil bangkang II cola-cala coli poni portabel	<b>BMM</b> andartu boria Deepavali FAM kugiran Tun Ungku Yamyuh  <b>BI</b> adipati arumba bupati magersari rudal tayuban tribata upakarti

### a. Kata Sama, Makna Teras Berbeza

Terdapat kata yang sama yang digunakan dalam kedua-dua variasi, tetapi mempunyai makna teras yang berbeza. Pengertian ini membawa konsep tautonim, iaitu kata yang sama tetapi mempunyai makna yang berbeza (Gramley, 2001:312). Ini dapat dilihat pada beberapa perkataan dalam kedua-dua buah kamus. Dalam KD, *hamis* bererti busuk seperti bau kambing

(terutama dagingnya) atau bau lembu (peluh dan sebagainya), manakala dalam KBBI, *amis* bermaksud hanyir (berbau seperti bau ikan). Begitu juga dengan konsep *Nusantara* apabila dalam KD bermaksud kepulauan Melayu, manakala dalam KBBI bermaksud sebutan (nama) bagi seluruh wilayah kepulauan Indonesia. Bagi Trudgill (1994:91), kategori kata sedemikian berpotensi menimbulkan masalah kepada penutur asli dan bukan penutur asli dalam salah satu variasi. Yang berikut disenaraikan beberapa entri yang terdiri daripada kata yang sama tetapi mempunyai makna teras yang berbeza.

**Jadual 3** Beberapa contoh kata sama, makna teras berbeza.

<b>Entri</b>	<b>Data KD</b>	<b>Data KBBI</b>
<b>Balu</b>	perempuan yg menjadi janda kerana kematian suami	laki-laki yg tidak beristri lagi (krn cerai atau kematian istri); duda
<b>Bauk</b>	bulu yg tumbuh pd pipi di depan telinga, jambang	rambut (bulu) yg tumbuh di antara dagu dan leher
<b>Becak</b>	berlumpur, lecah	1. kenderaan umum spt sepeda, beroda tiga satu di belakang, dua di depan, dijalankan dgn tenaga manusia; 2. ark angkong (kereta beroda dua yg dihela orang)
<b>Jeli</b>	sj bahan spt agar-agar	selai (jem)
<b>Jeruk</b>	1. buah-buahan (sayur, telur, ikan dd) yg telah diasamkan (atau diasinkan); 2. id limau	1. tumbuhan yg termasuk keluarga citrus, pd ketiak daun terdapat duri, mempunyai berbagai jenis dan varietas; limau, citrus; 2. buah spt jeruk, isinya beberapa ulas, rasanya asam dan ada pula yang manis
<b>Loket</b>	hiasan yg bergantung di rantai leher (dibuat drpd emas, intan, dsb)	jendela kecil di gedung, kantor, dsb tempat membayar pajak, membeli prangko, menjual kereta, dsb

**b. Kata Sama, tetapi Mengalami Peluasan/ Penyempitan Makna dalam Salah Satu atau Kedua-dua Variasi**

Terdapat juga kata yang sama, tetapi mengalami perubahan, sama ada penyempitan atau peluasan dalam salah satu atau kedua-dua variasi. Palmer (1981:10) menyatakan bahawa perubahan makna leksikal terjadi kerana perkara yang tidak disengajakan, tetapi berubah secara alamiah. Perubahan yang berlaku dalam bahasa tersebut, sama ada yang mengalami peluasan, penyempitan, atau pergeseran mempengaruhi perbezaan makna. Ada pandangan yang mengatakan perubahan makna berlaku akibat peningkatan taraf daripada bahasa daerah kepada bahasa nasional, akibat lingkungan, akibat pertukaran tanggapan deria, akibat tanggapan pengguna bahasa dan akibat asosiasi.

Di samping itu, terdapat beberapa jenis perubahan makna lain seperti sinestesia (makna yang sama kerana ditanggap melalui deria yang berbeza) atau makna lingkungan (makna berbeza kerana persekitaran berbeza walaupun perkataan yang digunakan sama). Seterusnya, terdapat juga konsep penggantian makna yang melibatkan perubahan yang menyeluruh. Makna asal tidak lagi wujud dalam makna baharu atau makna baharu yang muncul tidak sedikit pun menggubah makna lama.

Bagaimanapun, untuk kajian ini, hanya pola yang pertama (peluasan) dan pola yang kedua (penyempitan) dipilih untuk dianalisis. Dalam proses penyusunan kamus, kedua-duanya cenderung ke arah yang berbeza, sesuai dengan korpus dan rumus linguistik yang disepakati oleh para pakar bahasa negara masing-masing. Contohnya, perkataan *angkasawan* dalam KD bererti orang yang pergi ke angkasa lepas (menuju bulan dan lain-lain). Tetapi dalam KBBI, di samping sebagai astronaut, *angkasawan* juga dimaksudkan sebagai orang yang bertugas sebagai penyiar radio. Beberapa contoh lain yang mendukung fenomena sedemikian adalah seperti yang berikut:

**Jadual 4** Beberapa contoh kata sama, tetapi mengalami peluasan/penyempitan makna dalam salah satu atau kedua-dua variasi.

Entri	Data KD	Data KBBI
cadar	1. kain penutup kepala atau muka perempuan; 2 = kain ~ kain penutup tilam	1. kain penutup kepala atau muka (bagi perempuan); 2. <b>kain penutup meja</b> ; alas meja; seprai (untuk kasur)

Entri	Data KD	Data KBBI
<b>daerah</b>	1. lingkungan sesuatu pemerintahan, wilayah ...2. bahagian sesebuah negeri (sekeliling sesebuah bandar) yg mempunyai sempadannya utk kemudahan pentadbiran. 3. kawasan yg mempunyai iklim dll yg sama.; 4. kawasan yg berada di bawah sesuatu pengaruh dll 5. <b>ki skop, bidang</b>	1. <b>bagian permukaan bumi dlm kaitannya dng keadaan alam dsb yg khusus</b> ; 2. lingkungan pemerintah; 3. selingkungan tempat yg dipakai untuk tujuan khusus; kawasan; 4. tempat sekeliling atau yg termasuk dlm. lingkungan suatu kota (wilayah dsb); 5. tempat dlm suatu lingkungan yg sama keadaannya (iklimnya, hasilnya, dsb); 6. <b>tempat yg terkena peristiwa yg sama</b> ; 7. <b>bagian permukaan tubuh</b>
<b>geladak</b>	lantai kapal, dek	1. lantai kapal atau lanti perahu; dek; 2. <b>rumah (tempat) menginap kuli (terbuat dr papan)</b>
<b>hangat</b>	1. panas api (bukan panas matahari) 2. terlebih timbangan drpd yg sebenarnya; 3. meriah, seronok; 4. tidak tenang atau tenteram; genting; 5. masih baru lagi berlaku dsb ( <b>berita, peristiwa, dll</b> ) panas; 6. <b>berapi-api, penuh semangat</b>	1. agak panas; 2. sedikit lebih dp timbangan (bobot) yg sebenarnya; 3. gembira; 4. genting; tegang; 5. baru saja terjadi; masih baru (tt peristiwa, kabar)
<b>hangit</b>	1. (berbau) spt bau kain terbakar; 2. rosak atau terbakar dan berbau (bkn makanan spt nasi, lauk, dsb yg dimasak atau dibakar terlalu lama); 3. <b>berbau busuk spt bau peluh, hapak ( badan kerana tidak mandi atau berpeluh)</b>	bau spt bau kerak terbakar; sangat
<b>jelita</b>	cantik, elok, molek	1. cantik sekali; elok (tt wajah); 2. <b>ki indah; manis (tt kota, pemandangan alam, dsb)</b>
<b>lampin</b>	1. kain pembarut (anak kecil dll), kain bedung; 2. kain empat persegi berwarna putih yg dipakaikan pd bayi utk	1. kain popok bayi; 2. bebat bayi; ambet; 3. <b>lapis atau alas (terbuat dr kain, kertas, dsb) untuk memegang barang yg panas</b>

Entri	Data KD	Data KBBI
	menyerap air kencing dsb; 3. jk kain pelapik atau pengalas tangan (ketika memegang barang panas)	
<b>mahaguru</b>	1. guru yg tertinggi pangkatnya di perguruan tinggi atau universiti, profesor; 2. <b>ketua sesuatu kumpulan silat</b>	guru besar; profesor (pd perguruan tinggi)
<b>taman</b>	1. kebun yg ditanami dgn pelbagai bunga-bunga (utk bersenang-senang, berehat-rehat), kebun bunga; 2. ki tempat bersiar-siar (mengambil angin dll); 3. jw tempat duduk pengantin perempuan (dihiasi bunga-bunga); 4. <b>kawasan perumahan yg terancang (lengkap dgn kedai, sekolah dan kemudahan lain)</b>	1. kebun yg ditanami dgn bunga-bunga dsb (tempat bersenang-senang); 2. tempat (yg menyenangkan dsb); 3. <b>tempat duduk pengantin perempuan (yg dihiasi dgn bunga-bunga dsb)</b>
<b>tewas</b>	1. menderita kekalahan, kalah (dlm permainan, pertandingan dll); 2. gugur (dlm peperangan), mati, terkorban; 3. <b>tidak lulus (dlm ujian), gagal, kandas</b> ; 4. sl cela, cacat, aib, kekurangan (dlm ilmu dll)	1. mati (dl perang, bencana, dsb); 2. cak kalah; 3. ki cela; salah (luput); kekurangan (sesuatu yg kurang baik)

### c. Kata Sama, tetapi Berbeza dari Segi Stilistik dan Temporal<sup>2</sup>

Terdapat juga kata yang sama, tetapi mempunyai stilistik dan temporal yang berbeza. Misalnya perkataan '*coli*'. Dalam KD kekerapan penggunaannya masih tinggi, berbanding dalam KBBI yang telah diletakkan label arkaik yang menunjukkan kata tersebut tidak aktif penggunaannya. Dari aspek stilistik pula, entri *poni* (*kuda kecil*) dianggap kosa kata standard dalam KBBI, berbanding dalam KD yang diletakkan label bp (bahasa percakapan).

2 Stilistik (formal,/tak formal/ bahasa percakapan), temporal (umum/arkaik,/kuno, klasik),

Ini menunjukkan entri *poni (kuda kecil)* tidak dianggap sebagai kata baku dalam BMM dan hanya sekadar bahasa harian yang digunakan dalam situasi tidak formal. Yang berikut disenaraikan beberapa entri yang mempunyai stilistik dan temporal yang berbeza antara kedua-dua buah kamus.

**Jadual 5** Beberapa contoh kata sama, tetapi berbeza dari segi stilistik dan temporal.

Entri	Data KD	Data KBBI
Afsun	+ pesona	pesona
Babil	+ 1. degil, tegar; 2 berani membantah	suka membantah; keras kepala
bangkang II	jarak antara dua tanduk, cakah	ark terbuka atau berjarak lebar (ttg tanduk, sepit kala)
cola-cala	omong kosong	ark bercakap yg bukan-bukan
Poni	bp model potongan rambut perempuan	model potongan rambut perempuan
Portabel	bp mudah dibawa-bawa	mudah dibawa-bawa

#### d. Kata yang Mendukung Konsep/Fenomena Tertentu yang Hanya Wujud atau Digunakan dalam Satu Variasi

Kata yang berbentuk sedemikian selalunya bersifat monosemi. Salah satu aspek yang penting dari perspektif referen ialah kata yang mendukung konsep/fenomena tertentu yang hanya wujud atau digunakan dalam satu variasi. Ini dikaitkan dengan jurang leksikal, iaitu kurangnya leksem untuk menanggapi konsep yang biasa (Benson, 1986:309). Banyak kata yang mempunyai pola sedemikian yang hanya wujud dalam salah satu negara yang bervariasi yang dipisahkan oleh Selat Melaka dan gugusan pulau yang berserakan di antara kedua-dua negara. Pendekatan monosemi dan homonimi diterapkan di dalam kamus untuk menjelaskan kata yang mendukung konsep/fenomena yang hanya wujud atau digunakan dalam satu variasi. Homonimi ialah kata yang sama bentuk dari aspek ejaan dan sebutan, tetapi setiap satu perkataan tersebut mempunyai makna yang jauh berbeza antara satu sama lain.

Fenomena yang berkaitan dengan konsep ini dikaitkan dengan istilah unik oleh Algeo. Istilah ini menggambarkan perbezaan budaya tanpa mempunyai padanan dalam kedua-dua variasi. Dengan kata lain, kata yang mendukung

konsep atau fenomena tersebut berkait rapat dengan budaya setempat, flora dan fauna. Misalnya gelaran dan pangkat, anugerah gelaran seperti *Dato, Tan Sri, Prof. Diraja, Tun* hanya wujud penggunaannya di Malaysia. Begitu juga perkataan *adipati, sutan* hanya wujud penggunaannya di Indonesia. Di samping itu, melalui proses pengakroniman, terdapat kata yang hanya digunakan di Malaysia, seperti *andartu, selembu*, manakala di Indonesia terdapat perkataan seperti *arumba, rudal, sendratari* dan sebagainya.

**Jadual 6** Beberapa contoh kata yang mendukung konsep/fenomena tertentu yang hanya wujud atau digunakan dalam satu variasi.

<b>Entri</b>	<b>Data KD</b>	<b>Entri</b>	<b>Data KBBI</b>
<b>andartu</b>	anak dara tua	<b>adipati</b>	1. gelar bupati ... di Indonesia; 2. gelar raja muda atau wakil raja ...
<b>boria</b>	kesenian tradisional orang Melayu pulau pinang ...	<b>arumba</b>	alunan rumpun bambu
<b>Deepavali</b>	hari perayaan agama hindu	<b>bupati</b>	1. kepala daerah kabupaten ...
<b>FAM</b>	Persatuan Bolasepak Malaysia	<b>magersari</b>	1. orang yg menumpang di pekarangan orang lain ... 2. pembantu orang yg bertransmigrasi
<b>Kugiran</b>	kumpulan gitar rancak	<b>rudal</b>	peluru kendali
<b>Tun</b>	gelar utk orang yg dianugerahi bintang Seri Maharaja Mangku Negara oleh Yang di-Pertuan Agong	<b>tayuban</b>	sj tarian ... yg dilakukan oleh laki-laki dan perempuan diiringi gamelan dan tembang ...
<b>Ungku</b>	gelar utk orang yg berketurunan raja	<b>tribata</b>	tiga asas kewajipan kepolisian Republik Indonesia ...
<b>yamyuh</b>	unggas kacukan ayam dan puyuh	<b>upakarti</b>	penghargaan pemerintah yg diberikan kpd pengusaha kecil ...

### Berdasarkan Perspektif Konsep

Terdapat dua pola perbezaan butir leksikal yang dilihat berdasarkan perspektif konsep. Gambaran dua pola tersebut adalah seperti yang berikut:

**Jadual 7** Perbezaan leksikal dari perspektif konsep.

<b>Konsep sama, kata berbeza tetapi berlainan kekerapan penggunaan</b>	
<b>BMM</b>	<b>BI</b>
Baki	sisas
Benih	bibit
Baja	pupuk
belacan	terasi
belakang	punggung
buih	busa
tepung	terigu
gangsa	perunggu
tali pinggang	ikat pinggang
lembut	lunak
tulang ikan	duri ikan
mercun	petasan
paya	rawa
ubat gigi	tapal gigi
ulam	lalap

#### a. Konsep Sama, Kata Berbeza

Kebanyakan perbezaan leksikal wujud kerana fenomena ini. Konsep sama, tetapi dijelaskan dengan kata berbeza yang mempunyai hubungan satu dengan banyak yang pelbagai jenis. Bagi Benson *et al.* (1986:29), sinonimnya bersifat kepelbagaian khusus dan monosemi (*variety-specific and monosemous*). Dalam bahasa yang bervariasi, fenomena ini agak jelas, sama ada dalam kata umum atau kata teknikal. Akibat pengaruh bahasa Inggeris, pengguna BMM menggunakan perkataan *basikal, setem, skru*, manakala pengguna BI menggunakan *sepeda, prangko, dan mur* kerana



menerima pengaruh bahasa Belanda. Dalam kata teknikal pula, *lut sinar* digunakan dalam BMM manakala *tembus pandang* digunakan dalam BI untuk merujuk bahasa sumbernya, *transparent*. *Lut cahaya* digunakan dalam BMM manakala *tembus cahaya* digunakan dalam BI untuk merujuk bahasa sumbernya, *translucent*.

**Jadual 8** Beberapa contoh konsep sama, kata berbeza.

Entri KD	Entri KBBI	Huraian
asid	asam	bahan yg mempunyai nilai ph, bersifat mengakis dan boleh menukarkan kertas limus kpd warna merah
bateri	aki	sel atau lebih yg dihubungkan bersama-sama utk membekalkan arus elektrik
brek	rem	alat utk menghentikan gerakan atau mengurangkan kelajuan kenderaan
ceti	rentenir	peminjam wang yg mengenakan bunga yg tinggi
farmasi	apotek	tempat ubat dan bahan perubatan diberikan
gam	lem	bahan perekat yg diperolehd drpd damar
jek	donkrak	alat utk menaikkan atau mengangkat benda berat
jenayah	tindak pidana	perbuatan kriminal
pensyarah	dosen	guru di universiti yg memberi kuliah
tayar	ban	lingkaran getah yg dipasang di sekeliling roda

#### **b. Konsep Sama, Kata Berbeza tetapi Berlainan dari Segi Kekerapan Penggunaan**

Terdapat kata yang berbeza yang mempunyai konsep yang sama, tetapi berlainan kekerapan penggunaannya. Kedua-dua kata tersebut tidak dilabelkan dan diterima penggunaannya dalam kedua-dua variasi. Bagaimanapun, kedua-dua kata yang bersinonim ini mempunyai nisbah penggunaan yang berbeza. Misalnya perkataan yang merujuk kepada haiwan yang sama. Dalam KD dan KBBI, *arnab* dan *kelinci* digunakan, tetapi mempunyai nisbah penggunaan yang berbeza.

Di Malaysia, perkataan *arnab* lebih kerap digunakan berbanding dengan *kelinci*, dan begitu juga sebaliknya di Indonesia perkataan *kelinci* lebih kerap digunakan berbanding *arnab*. Kedua-duanya merupakan spesies haiwan yang sama, tetapi berbeza dari segi kekerapan penggunaannya. Terdapat beberapa entri lain yang diterima di dalam kedua-dua buah kamus, tetapi mempunyai darjah penggunaan yang berbeza. Ini dapat dilihat berdasarkan kata-kata yang dijadikan bahasa takrif di dalam kamus atau berdasarkan bukti korpus masing-masing.

**Jadual 9** Beberapa contoh konsep sama, tetapi berlainan dari aspek kekerapan penggunaan.

<b>Entri</b>	<b>Status kekerapan KD</b>	<b>Status kekerapan KBBI</b>	<b>Huraian</b>
<b>baja/pupuk</b>	Baja	pupuk	bahan utk menyuburkan tumbuh-tumbuhan
<b>belacan/terasi</b>	Belacan	terasi	bahan makanan yg dibuat drpd udang atau ikan kecil ...
<b>benih/bibit</b>	benih	bibit	biji drpd buah kecil yg akan ditanam
<b>buih/busa</b>	Buih	busa	gelembung udara pd cecair
<b>gangsa/perunggu</b>	gangsa	perunggu	aloi yg terdiri drpd tembaga dan timah
<b>lalap/ulam</b>	Ulam	lalap	daun-daunan atau buah-buahan mentah (spt daun pegaga) yg dimakan dgn nasi
<b>mercun/petasan</b>	mercun	petasan	sj bunga api yg meletup apabila dibakar
<b>paya/rawa</b>	Paya	rawa	kawasan tanah yg digenang air yg ditumbuhi pelbagai jenis tumbuhan

Berdasarkan sumber korpus daripada Pangkalan Data Korpus DBP (buku 70-an ke atas), terdapat bukti yang lebih tinggi dalam variasi BMM. Untuk mendapatkan statistik kekerapan penggunaan, sebanyak 22 kata kunci telah dipilih.

**Jadual 10** Statistik konsep sama, tetapi berlainan dari aspek kekerapan penggunaan.

Entri	Kata kunci	Bilangan baris konkordan	Kata kunci	Bilangan baris konkordan
Baja/pupuk	Baja	706	Pupuk	6
Belacan/terasi	Belacan	85	Terasi	0
Benih/bibit	Benih	2 254	Bibit	109
Buih/busa	Buih	126	Busa	47
Gangsa/perunggu	Gangsa	33	Perunggu	4
Hospital/rumah sakit	Hospital	1 098	Rumah sakit	188
Tali pinggang/ Ikat pinggang	Tali pinggang	114	Ikat pinggang	11
Ulam/lalap	Ulam	74	Lalap	0
Mercun/petasan	Mercun	35	Petasan	0
Paya/rawa	Paya	402	Rawa	21
Tepung/terigu	Tepung	188	Terigu	0

## KESIMPULAN

Perbezaan leksikal yang berlaku dalam dua bahasa yang bervariasi ini memberikan kesan yang besar pada tahap kefahaman menyaling atau *mutual intelligibility* penutur kedua-dua bahasa. Konsep kefahaman menyaling mendukung suatu konsep tentang keupayaan memahami bahasa penutur lain, dan difahami oleh penutur lain. Atau dengan kata lain, kefahaman menyaling boleh diertikan sebagai kemampuan untuk memahami bahasa orang lain dan difahami oleh pembicara lain (Harimurti, 1993:90). Ukuran ini digunakan untuk menentukan taraf dialek atau taraf bahasa.

Ada pendapat yang mengatakan dua bentuk bahasa yang mempunyai

kefahaman menyaling sebenarnya merupakan dialek daripada satu bahasa yang sama. Bagi Asmah Haji Omar (1983:12), “dua sistem pertuturan itu harus mempunyai sekurang-kurangnya 85 peratus kosa kata yang sama sebelum ia boleh digolongkan sebagai dua dialek dari bahasa yang sama”. Ini merupakan ciri untuk mengukur tahap kefahaman menyaling dalam dialek daripada satu bahasa yang sama. Seandainya tidak wujud kefahaman menyaling kerana perbezaan yang ketara dalam peratusan kosa katanya, maka sistem-sistem pertuturan tersebut melambangkan dua bahasa yang berlainan, dan bukan lagi dua dialek daripada satu bahasa (*ibid.*:9). Kedua-dua bahasa itu merupakan warisan bersama daripada induk yang sama, dan bahasa-bahasa tersebut masih mempunyai kaitan kekeluargaan antara satu sama lain. Dalam hubungannya dengan kedua-dua bahasa yang bervariasi ini, nisbah 85 peratus kosa kata yang sama harus dipertahankan supaya tidak berpecah menjadi dua bahasa yang berbeza. Namun apakah mungkin nisbah ini dapat dipertahankan jika pencapahan atau penyimpangan terus berlaku dan menebal?

## RUJUKAN

- Ahmad Samin Siregar, “Penggunaan Kata dalam Bahasa Indonesia dan Bahasa Melayu: Suatu Perbandingan” dlm. *Dewan Bahasa* 44:12, hlm. 1330–1339, 2000.
- Ajib Che Kob, “Kecapahan Bahasa Melayu dengan Bahasa Indonesia: Hambatan Dalam Mengantarabangsakannya” dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, 42:7, hlm. 597–605, 1998.
- Algeo, J., “The Two Streams: British and American English” dlm. *Journal of English Linguistics*, 19:2, hlm. 269–284, 1986.
- Algeo, J., “British-American Lexical Differences: A Typology of Interdialectal Variation” dlm. O. Garcia dan R. Otheguy (ed.), 1989. *English Across Cultures, Cultures Across English: A Reader in Cross-Cultural Communication*. Berlin: Mouton de Gruyter.
- Asmah Haji Omar, 1983. “Perkembangan Bahasa Malaysia dan Falsafah Pembinaannya”. Syarahan Perdana di Universiti Malaya pada 22 Februari 1983.
- Badudu, J.S., “Perkembangan Bahasa Indonesia dan Bahasa Malaysia” dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, 36:2, hlm. 129–136, 1992.
- Bejoint, H., 2000. *Modern Lexicography: An Introduction*. Oxford University Press.
- Benson, M. et al., 1986. *Lexicographic Description of English*. John Benjamins Publishing Company.
- Eco, U., 1976. *A Theory of Semiotics*. Bloomington: Indiana University Press.

- Gramley, S., 2001. *The Vocabulary of World English*. Oxford University Press.
- Hartmann, R.R.K., James, G., 1998. *Dictionary of Lexicography*. London and New York: Routledge.
- Ibrahim Ahmad, 2005. *Perkamusan Melayu:Teori dan Amali*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ilson, R.F. (ed.), 1985. *Dictionaries, Lexicography and Language Learning*. Pergamon Press.
- Jackson, H., 2002. *Lexicography: An Introduction*. London and New York: Routledge.
- Kridalaksana, Harimurti, "Kamus Besar Bahasa Indonesia:Fungsinya dalam Pengembangan Bahasa Indonesia" dlm. *Bahasa dan Sastra*, 1: 1, hlm.13–16, 1973.
- Lipka, L., 1992. *An Outline of English Lexicology*. Max Niemeyer Verlag GmbH.
- McArthur, T., 1996. *The Oxford Companion to the English Language (Abridge Edition)*. Oxford University Press.
- Palmer, F.R., 1981. *Semantics*. London: Cambridge University Press.
- Sibarani, R., "Perbezaan Perkembangan Leksikologis Bahasa Indonesia dan Bahasa Malaysia" dlm. *Jurnal Pengajian Melayu*, 9, hlm. 140–149, 1999.
- Suryadinata, Leo, 1991. *Comparative Dictionary of Malay-Indonesian Synonyms*. Kuala Lumpur: Time Book International.
- Tottie, G., 2002. *An Introduction to American English*. UK: Blackwell Publisher Ltd.
- Trudgill, P., dan Hannah, J., 1994. *International English: A Guide to Varieties of Standard English* (third edition). London: Edward Arnold.
- Zainab Awang Ngah, 1990. *Perkamusan Melayu/Indonesia-Suatu Bibliografi*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Universiti Malaya.
- Zgusta, L. (ed.), 1980. *Theory and Method in Lexicography*. Columbia: Hornbeam Press Incorporated.

## SENARAI KAMUS

- Kamus Bahasa Melayu Nusantara* 2003. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Besar Bahasa Indonesia Edisi Pertama*, 1988. Jakarta: Balai Pustaka.
- Kamus Besar Bahasa Indonesia Edisi Kedua*, 1991. Jakarta: Balai Pustaka.
- Kamus Besar Bahasa Indonesia Edisi Ketiga*, 2001. Jakarta: Balai Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Pertama*, 1970. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Kedua*, 1989. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga*, 1994. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

IBRAHIM AHMAD

*Kamus Linguistik Edisi Ketiga*, susunan Harimurti Kridalaksana, 1993. Jakarta: P.T. Gramedia.

*Kamus Linguistik* susunan Ramli Md. Salleh *et al.*, 1997. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

*Kamus Melayu Global* susunan Hasan Hamzah, 1996. Kuala Lumpur: Piramid Perdana (M) Sdn. Bhd.